

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 21 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 13

≡≡≡ **Sepintas** ≡≡≡

HOC bukan untuk warga asing: Zuraida

Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang dilaksanakan kerajaan mulai Januari lalu tidak membabitkan sebarang penjualan unit kediaman kepada warga asing.

Sebaliknya, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata pengumuman kempen berskala nasional itu untuk pasaran rakyat tempatan.

Penjelasan itu sekali gus menafikan dakwaan segelintir pihak bahawa HOC bertujuan 'melariskan' penjualan kediaman untuk manfaat warga asing yang mempunyai kelebihan perbezaan mata wang.